

Mat Sabu arah siasat pembuangan beras di kawasan sampah

- Oleh ARIF AIMAN ASROL
- 19 April 2024, 12:03 pm



MOHAMAD SABU

PETALING JAYA: Kerajaan akan melakukan siasatan segera terhadap puluhan kambit beras yang dibuang di kawasan pembuangan sampah berhampiran laluan pintasan Rumpun Makmur-Kampung Gunung Senyum di Temerloh, Pahang.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, sebuah kenyataan rasmi akan dikeluarkan dengan kadar segera selepas siasatan dilakukan.

“Saya telah mengarahkan siasatan segera dijalankan oleh pihak Kawalselia Padi dan Beras (KPB) Temerloh, Pahang berkaitan insiden timbunan beras yang dipercayai

dibuang di sebuah kawasan pembuangan sampah di Kuala Krau, Pahang,” katanya ringkas di media sosial.

Terdahulu, tular di media sosial gambar puluhan kampak beras bersama dengan tin sardin dan tepung dibuang di kawasan pembuangan sampah tersebut.

Ketika isu beras sukar didapati di pasaran dan kos sara hidup yang meningkat, kejadian pembuangan bahan makanan itu mencetuskan kemarahan di kalangan pengguna media sosial.

Lebih menghairankan, ada yang mendakwa kejadian itu bukan pertama kali berlaku.

Setakat ini tidak dapat dipastikan punca beras dan barangan makanan berkenaan dibuang di tapak pembuangan sampah itu.-UTUSAN